

## Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM)

Nur Hafizoh Idris<sup>a</sup>, Rohana Hamzah<sup>a\*</sup>

<sup>a</sup>Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: anahaiqal@yahoo.com

### Article history

Received : 5 July 2012  
Received in revised form : 10 October 2012  
Accepted : 15 December 2012

### Abstract

High quality educator will produce high quality human capital. Therefore, the purpose of this study is to determine the level of professionalism education value practices among trainee educator based on Standard Guru Malaysia (SGM). The level of professionalism education value practices is determine based on three elements from 14 original elements in measuring self-domain which is believe in God, leadership and interpersonal and intrapersonal skills. This descriptive research used modified rubric instrument based on SGM and reliability value of the instrument is 0.87. 188 final year students, who are doing education course at Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor have been used as the respondent. *Statistical Package for the Social Science (SPSS 16.0)* software has been used to analyze raw data of this research. Research findings showed that the overall levels of professionalism value practices by trainee educator are at moderate level (mean 3.31) with leadership elemen at the lowers frequency. Further analysis on believe in God shows that sub-item, which is "integration value believe in God through education process because educator believe it as the highest value in producing good personality" also get the lowers frequency. This interesting finding shows that trainee educator do not have very clear self understanding that integration of self-awareness and believe in God existence as the highest and pre-requisite values for producing good personality character individual. Therefore, this research propose to strengthen professionalism value among trainee educator through training program so that they can understand that the real purpose of education process is to produce good personality character leader based on the highest value which is believe in God.

**Keywords:** Professionalism of teaching; Malaysia's Teacher Standard (SGM); quality

### Abstrak

Guru berkualiti mampu melahirkan insan berkualiti. Oleh itu kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan nilai profesionalisme bakal guru berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). Tahap amalan nilai profesionalisme bakal guru ini dikaji berdasarkan tiga daripada 14 elemen domain diri iaitu kepercayaan kepada Tuhan, kepimpinan dan kemahiran interpersonal dan intrapersonal. Penyelidikan deskriptif ini menggunakan rubrik telah diubah suai berdasarkan kepada SGM dan nilai kebolehpercayaan yang diperolehi ialah 0.87. 188 orang pelajar tahun akhir iaitu bakal guru di UTM Skudai, Johor terlibat sebagai responden kajian. Perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS 16.0)* telah digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Dapatkan kajian menunjukkan purata keseluruhannya tahap amalan profesionalisme keguruan berteraskan SGM adalah berada pada tahap yang baik atau sederhana dengan nilai min 3.31 dengan elemen kepimpinan memperolehi kekerapan terendah. Analisis terperinci terhadap elemen kepercayaan kepada Tuhan menunjukkan sub-item menerapkan kepercayaan kepada Tuhan kerana guru menyakini ia adalah nilai tertinggi dalam pembentukan seorang insan juga memperolehi kekerapan yang terendah. Dapatkan menarik ini menunjukkan bakal guru kurang jelas bahawa penerapan kesedaran dan keyakinan terhadap kewujudan Tuhan adalah nilai tertinggi yang menjadi prasyarat untuk melahirkan insan berakhhlak mulia. Oleh itu kajian ini mencadangkan untuk memantapkan penerapan nilai profesionalisme bakal guru melalui program pelatihan pendidikan agar mereka lebih memahami tujuan sebenar proses pendidikan ialah melahirkan pemimpin berakhhlak mulia berteraskan nilai tertinggi iaitu kepercayaan kepada Tuhan.

**Kata kunci:** Nilai profesionalisme keguruan; Standard Guru Malaysia (SGM); kualiti

© 2012 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

## ■1.0 PENGENALAN

Pendidikan boleh diibaratkan sebagai kunci kepada usaha membangunkan masyarakat dan negara. Masyarakat yang terdidik secara menyeluruh, seimbang dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara secara lestari adalah produk daripada pendidikan berkualiti yang selaras dengan keperluan negara pada masa kini dan akan datang (Mohammed Nor, 1990). Oleh itu, proses pendidikan memainkan peranan yang sangat signifikan dalam mendidik dan mengembangkan proses penguasaan ilmu dan mendidik amalan mulia modal insan negara. Ini adalah kerana hanya dengan ilmu akanlah modal insan berakhhlak mulia serta mampu menyumbang kepada proses pembangunan negara yang lebih mampan.

Konsep pendidikan lestari telah lama dinyatakan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). FPK menekan pendekatan pendidikan secara bersepada untuk membangunkan potensi insan secara holistik. FPK dikatakan mempunyai matlamat yang selari dengan matlamat pendidikan akhlak Islam iaitu untuk melahirkan insan yang baik, mempunyai sahsia seimbang dan sepada serta memiliki ciri-ciri yang tersirat dalam Rukun Negara. Insan yang baik ialah insan yang insaf sepenuhnya dan menuaikan tanggungjawab seperti yang diamanahkan oleh Allah S.W.T. (Al-Attas, 2005).

Pendekatan pendidikan bersepada bermaksud mendidik perkembangan akal manusia untuk mengenal Penciptanya melalui perkembangan, pengkajian ilmu-ilmu akal atau intelektual seperti sains, matematik, sejarah, geografi, fizik, kimia dan lain-lain (Tajul Ariffin Nordin, 2002). Pendekatan pendidikan secara bersepada mampu mendidik bukan sahaja akal tetapi hati (spiritual) manusia untuk mengakui adanya Pencipta dengan penyaksian kepada bukti kewujudan-Nya melalui pengajaran ilmu intelektual. Penyaksian ini mampu menundukkan sifat keegoan (keakuan) didalam diri manusia, menumbuhkan keyakinan (keimanan) kepada kebenaran tentang kekuasaan Pencipta dan seterusnya membolehkan manusia membangunkan sifat kehambaan hanya kepada Pencipta. Kesedaran konsep kehambaan hanya kepada Pencipta akan memimpin erti kebebasan secara spiritual dan seterusnya memperbaiki akhlak manusia. Ini membolehkan mereka memainkan peranan sebagai Khalifah atau pemimpin perubahan kepada seluruh makhluk ciptaan Tuhan di muka bumi ini.

Usaha menguasai pendekatan pendidikan secara bersepada dalam kalangan pendidik secara berterusan adalah asas untuk memantapkan proses pendidikan bagi melahirkan pelajar-pelajar seperti yang dihasratkan di dalam FPK. Usaha melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan ini sesuai dengan firman Allah S.W.T dalam Al-Quran yang bermaksud:

“Apakah kamu hai orang musyk lebih beruntung) ataukah orang yang beribadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri, sedang takut kepada (azab) akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhaninya? Katakanlah: “Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?” sesungguhnya orang yang berakallah yang menerima pelajaran.”  
(Surah Az Zumar, 39: 9)

Guru yang berkualiti, mampu melahirkan insan yang baik turut mendapat perhatian Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak. Beliau menyatakan:

“Guru berkualiti ialah seorang guru yang sentiasa berkualiti pada masa ini dan masa depan dan untuk menjamin sistem pendidikan kekal berkualiti, guru perlu sentiasa relevan dengan cabaran semasa dan akan datang. Ini suatu kemestian jika guru hendak berjaya dan mencapai hasrat Wawasan 2020. Jika guru itu berkualiti maka pelajar akan menjadi insan yang kamil dan

cemerlang. Guru yang baik adalah guru yang sentiasa mahu mempertingkatkan diri dan akan melihat di mana diri mereka dalam sistem pendidikan.”

(Utusan Malaysia, 14 Mei 2009)

Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab guru untuk mendidik dan membimbing proses pengembangan ilmu pengetahuan kepada para pelajar yang bakal memimpin negara pada masa hadapan. Pendidikan berteraskan fitrah insaniah meletakkan matlamat pencarian ilmu untuk menuaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah (S.W.T.) sebagai asas untuk membentuk modal insan yang berkualiti (Tajul Ariffin Nordin, 2002).

## ■2.0 PEMBANGUNAN GURU BERKUALITI BERDASARKAN STANDARD GURU MALAYSIA

Model Standard Guru Malaysia (SGM) adalah suatu standard yang dapat menjadi penanda aras bagi para guru dan bakal guru di Malaysia dalam melahirkan guru yang berkualiti. Pelancaran buku SGM telah dilaksanakan pada 16 Mei 2009 bersempena Hari Guru peringkat kebangsaan. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak turut memberikan jawapan terhadap persoalan para guru mengenai Model Standard Guru Malaysia (SGM) ini semasa beliau merasmikan pelancaran buku SGM tersebut. Beliau berkata:

“Bagi guru yang sering bertanya mengenai ‘berkualiti’, apa standard yang mereka perlu ada, maka Standard Guru Malaysia adalah petunjuknya. Walaupun pembikinan SGM berdasarkan negara luar namun penanda arasnya dibangunkan dalam konteks dan budaya serta amalan nilai-nilai masyarakat negara ini.”


(Utusan Malaysia, 14 Mei 2009)

Menurut Tajul Ariffin dan Nor'Aini (2002) konsep ibadah dalam profesion perguruan semakin hilang. Ramai guru yang keliru dan terlupa bahawa tugas mendidik adalah satu ibadah. Maka tugas mendidik dicemari dengan kegilaan untuk mencari kekayaan, kemegahan dan pangkat. Banyak masa dihabiskan untuk perkara-perkara yang tiada kaitan dengan pendidikan. Masyarakat yang memerhati perkara ini akan hilang kepercayaan kepada kewibawaan guru. Lama-kelamaan rasa hormat kepada kaum guru akan turut luntur. Fenomena inilah yang akan menyebabkan martabat guru menjadi rendah. Situasi ini sepatutnya memberi kesedaran kepada para guru dengan merangsang guru-guru tersebut untuk memiliki perasaan ikhlas, jujur dan penuh iltizam dalam menjalankan tugas mereka sebagai pendidik.

Oleh itu terdapat keperluan untuk mengukur tahap amalan nilai profesional keguruan dalam kalangan pendidik agar kualiti pendidik yang diperlukan oleh sistem pendidikan negara dapat dipertingkatkan.

## ■3.0 AMALAN NILAI PROFESIONALISME GURU MALAYSIA

Amalan nilai profesionalisme keguruan digubal berlandaskan budaya Institut Pendidikan Guru(IPG), Tatasusila Profesional Keguruan, nilai murni dalam kurikulum sekolah, nilai utama dalam Perkhidmatan Awam, prinsip utama Etika Kerja KPM, dan Tonggak Dua Belas. Standard ini mempunyai tiga domain utama iaitu diri, profesi dan sosial seperti mana yang dapat dilihat seperti Carta 1.



**Carta 1** Domain amalan nilai profesionalisme keguruan

### 3.1 Kepercayaan Kepada Tuhan

Perkara pertama yang wajib dipelajari oleh setiap manusia adalah harus dimulai dengan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan kepada Tuhan, kemudian barulah tanggungjawab sosial yang seterusnya dapat dilaksanakan oleh manusia iaitu menyentuh kewajipan kepada diri sendiri, kewajipan kepada masyarakat, rumah tangga, anak dan isteri, ibu bapa dan juga seluruh umat manusia (Hamka, 1998).

Syarat untuk membolehkan manusia memahami tujuan penciptaannya adalah dengan mengenali hakikat penciptaannya daripada sudut spiritual. Walau bagaimanapun, pembangunan potensi spiritual tidak dapat dilaksanakan tanpa merujuk kepada agama. Ini adalah kerana hanya agama yang mengajar manusia erti kepercayaan kepada Tuhan, cinta kepada kebenaran dan kebencian kepada kejahanatan. Kegagalan manusia membezakan di antara kebenaran dan kebatilan boleh menyebabkan manusia melakukan kezaliman kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan Negara (Rohana, 2010). Sebagai contoh manusia yang tidak menyedari tentang tujuan penciptaannya mungkin melihat kehidupan sebagai peluang untuk mencari keseronokan untuk diri sendiri. Oleh itu manusia akan mudah dikawal oleh faktor luaran yang difikirkan boleh mendatangkan keseronokan kepada dirinya tanpa nilai tanggungjawab. Maka akan tercetuslah masalah sosial seperti penagihan dadah, pergaulan bebas, pembuangan bayi yang akhirnya merosakkan masa depan pelaku sendiri, memalukan keluarga dan menyusahkan masyarakat.

Peranan pendidikan ialah untuk memastikan pembangunan pelajar sentiasa harmonis dan selari dengan fitrah insaniah untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Fitrah Insaniah menurut Tajul Arifin dan Noraini (2002), ialah keinginan hakiki dan tabii setiap manusia yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. Terdapat enam aspek tabii manusia iaitu kepercayaan kepada Tuhan, persepsi dan amalan terhadap nilai, keinginan dan amalan kebebasan, pemilihan dan amalan tingkah laku, persepsi dan amalan terhadap kemajuan dan perubahan, serta pengertian tentang kualiti hidup.

### 3.2 Kepimpinan

Pendidikan dan pembangunan manusia adalah berdasarkan kepada dua visi utama iaitu visi kehambaan (visi spiritual) dan juga khalifah (hubungan sosial dengan masyarakat dan makhluk sekalian alam). Kedua-duanya ini seharusnya dibangunkan di atas falsafah penyatu dan pelengkap antara satu sama lain sebagai teras utama dalam proses mendidik untuk membangunkan manusia yang seimbang dan berkualiti (Rohana, 2010).

Terdapat tiga prinsip asas penciptaan manusia yang perlu difahami di dalam proses pembangunan manusia, dan salah satunya adalah setiap manusia ialah makhluk yang diciptakan Allah S.W.T dengan sebaik-baik kejadian dan diangkat menjadi khalifah kepada seluruh makhluk ciptaan-Nya (Abdul Hayy Alawi, 1992)

Membangunkan manusia sebagai pemimpin tanpa visi kehambaan kepada Pencipta akan melahirkan pemimpin yang zalim. Manakala membangunkan manusia dengan jiwa kehambaan kepada Pencipta tanpa visi sebagai khalifah atau pemimpin perubahan adalah sesuatu yang sangat sia-sia. Oleh itu visi kehambaan kepada Pencipta perlu menjadi pemandu, matlamat atau hala tuju didalam membangunkan manusia sebagai pemimpin perubahan agar manusia dapat membezakan diantara kebenaran dan kebatilan bersandarkan perintah Pencipta bukan dirinya sendiri. Oleh itu manusia yang seimbang seharusnya mampu meletakkan visi kehidupan sebagai hamba kepada Pencipta sebagai keutamaan dan visi panduan kepada visi sosial manusia iaitu sebagai khalifah atau pemimpin perubahan dunia. Visi manusia sebagai khalifah adalah visi pelengkap kepada visi keimanan kepada Pencipta dan merupakan penentu cara hidup dan amalan manusia baik dalam dunia kekeluargaan, pekerjaan dan masyarakat secara keseluruhannya. Kedua-dua visi inilah (keimanan dan amal soleh sebagai khalifah) yang akan diperhitungkan oleh Pencipta dalam menentukan siapa penghuni surga dan siapa penghuni neraka.

Oleh itu guru yang berkepimpinan dapat memainkan peranannya sebagai guru yang bukan sahaja membimbangi pelajarnya memperoleh pencapaian yang terbaik tetapi juga berupaya memimpin dan membimbangi dirinya dan teman sekerjanya ke arah matlamat yang hendak dituju tanpa arahan ataupun paksaan (Abdullah Sani Yahaya *et. al.*, 2007).

### 3.3 Kemahiran Intrapersonal dan Interpersonal

Guru yang professional perlu memiliki kemahiran interpersonal dan intrapersonal serta teknik dan kemahiran mengajar (Parkay dalam Azizi Yahaya *et. al.* (2005). Menurut Azizi Yahaya (2005) kepentingan perhubungan interpersonal ialah:

- Untuk menjadikan hidup lebih bermakna di mana seseorang individu mempunyai orang yang disayangi, menyayangi dan melaksanakan tanggungjawab untuk hidup bersama, seperti keluarga, masyarakat, bangsa dan lain-lain.
- Memerlukan orang lain untuk mengenali diri sendiri.
- Untuk memenuhi keperluan hidup iaitu keselamatan, kasih sayang, pengetahuan, kewangan, pencapaian sesuatu dan hampir kesemua aktiviti kita melibatkan orang lain.

Kecerdasan hubungan interpersonal melibatkan kebolehan membuat perkaitan dan memahami orang lain, manakala kecerdasan hubungan intrapersonal pula melibatkan kebolehan membuat refleksi kendiri dan menyedari keadaan dirinya (Esah, 2004).

#### ■4.0 PENYATAAN MASALAH

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap amalan nilai profesionalisme bakal guru berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Tahap amalan nilai profesionalisme bakal guru yang ingin dikaji ialah berdasarkan kepada tiga daripada 14 elemen domain diri dalam Standard 1 berteraskan pada SGM iaitu kepercayaan kepada Tuhan, kepimpinan serta kemahiran interpersonal dan intrapersonal

#### ■5.0 OBJEKTIF KAJIAN

Secara keseluruhannya objektif kajian ini ialah untuk:

- i. Mengenal pasti tahap amalan kepercayaan kepada Tuhan berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia.
- ii. Mengenal pasti tahap amalan kepimpinan berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia.
- iii. Mengenal pasti tahap amalan kemahiran intrapersonal dan interpersonal berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia.

#### ■6.0 METODOLOGI

Kajian deskriptif ini dijalankan ke atas 212 orang mahasiswa tahun empat di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Sampel bagi kajian ini adalah seramai 188 orang serta dipilih secara rawak berpandukan pada ‘Jadual penentuan saiz sampel berdasarkan populasi Krejcie dan Morgan’(Krejcie and Morgan,1970).

Kajian ini menggunakan instrumen penilaian rubrik jenis analitik sebagai instrumen kajian. Skala yang digunakan ialah skala 4 angka yang meliputi tahap 1, tahap 2, tahap 3 dan tahap 4. Menurut Pierce (2006) rubrik analitik membekalkan lebih maklumat berbanding rubrik holistik. Rubrik ini selalunya digunakan oleh sesebuah pengurusan ataupun individu untuk menilai kualiti (Popham, 2003). Instrumen kajian ini mengandungi dua bahagian item iaitu bahagian A yang mengandungi item berkenaan dengan latar belakang responden manakala bahagian B pula mengandungi 26 item yang menyentuh tentang tahap amalan nilai profesionalisme keguruan berteraskan SGM dalam kalangan bakal guru UTM.

Kesahan item-item soalan dalam instrumen kajian dibuat dengan merujuk kepada dua orang pakar di dalam bidang pendidikan untuk memastikan bahawa setiap item yang dibina adalah bersesuaian untuk menguji perkara yang dikaji. Kebolehpercayaan instrumen kajian ialah 0.87. Memandangkan jenis kebolehpercayaan yang digunakan oleh penyelidik di dalam kajian ini adalah jenis kebolehpercayaan intra (*intra-rater reliability*), nilai alpha yang melebihi 0.8 didapati sudah memadai untuk diterima sebagai tahap kebolehpercayaan yang sesuai untuk sesuatu alat (Mohd Najib (2003).

#### ■7.0 ANALISIS DATA

Bahagian ini menerangkan dapata kajian mengikut domain diri dalam Standard Guru Malaysia iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, kepimpinan dan kemahiran interpersonal dan intrapersonal.

##### 7.1 Kepercayaan Kepada Tuhan

Analisis dapatan kajian menunjukkan nilai min bagi Kepercayaan Kepada Tuhan adalah sebanyak 3.24, iaitu berada pada tahap yang sederhana. Dapatkan kajian menunjukkan kekerapan sub-item bagi

penyataan item ‘Kepercayaan kepada Tuhan,’ yang paling tinggi dipilih oleh responden sebanyak 167 iaitu “melaksanakan tugas sebagai seorang pendidik di atas kesedaran diri sebagai seorang pemimpin perubahan dalam proses P&P.” Manakala kekerapan sub-item yang paling rendah dipilih oleh responden ialah sebanyak 124 sahaja iaitu sub-item “menerapkan nilai kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan kerana yakin ia adalah nilai tertinggi dalam pembentukan seorang insan.”

##### 7.2 Kepimpinan

Analisis dapatkan kajian menunjukkan bahawa min keseluruhan bagi pemboleh ubah ‘Kepimpinan’ adalah 3.19 iaitu berada pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah kepimpinan mempunyai tahap amalan berteraskan SGM yang paling rendah. Kekerapan sub-item yang paling tinggi dipilih oleh responden ialah sebanyak 161 iaitu “melaksanakan pekerjaan dalam kehidupan sebagai niat menuaikan tanggungjawab sebagai pemimpin,” manakala kekerapan sub-item yang paling rendah dipilih oleh responden ialah sebanyak 131 iaitu “mempunyai kepercayaan bahawa setiap pelajar perlu dilatih sebagai pemimpin.”

##### 7.3 Kemahiran Intrapersonal dan Interpersonal

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa Kemahiran Interpersonal dan Intrapersonal merupakan item yang mempunyai nilai min pada tahap baik dengan nilai 3.49. Pemboleh ubah ‘Kemahiran Intrapersonal dan Interpersonal’ mempunyai kekerapan sub-item tertinggi yang dipilih oleh responden iaitu sebanyak 176 bagi penyataan sub-item “menerima dan menyampaikan maklumat dengan tepat,” manakala kekerapan sub-item yang terendah yang dipilih oleh responden ialah sebanyak 137 iaitu “sentiasa bermuhasabah diri untuk melakukan penambahbaikan secara berterusan.”

**Jadual 1** Tahap amalan kepercayaan kepada tuhan berdasarkan SGM

Penyataan Item		Min keseluruhan item	Kekerapan sub-item dipilih	Tahap
Keperca-yaan kepada Tuhan	i. Mempunyai pegangan kepercayaan kepada Tuhan yang dapat membentuk peribadi.	156	3.24	Baik
	ii. Melaksanakan tugas sebagai seorang pendidik di atas kesedaran diri sebagai seorang pemimpin perubahan dalam proses P&P.	167		
	iii. Menerapkan nilai keyakinan kepada kewujudan Tuhan dalam proses P&P.	148		
	iv. Menerapkan nilai kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan kerana yakin ia adalah nilai tertinggi dalam pembentukan seorang insan	124		

**Jadual 2** Tahap amalan kepimpinan berdasarkan SGM

Penyataan Item		Kekerapan sub-item dipilih	Min keseluruhan item	Tahap
Kepimpinan	i. Mempunyai kepercayaan bahawa setiap pelajar perlu dilatih sebagai pemimpin.	131	3.19	Baik
	ii. Melaksanakan pekerjaan dalam kehidupan sebagai niat menunaikan tanggungjawab sebagai pemimpin.	161		
	iii. Menerapkan nilai tanggungjawab sebagai seorang pemimpin perubahan dalam melaksanakan P&P	141		
	iv. Menilai ciri-ciri kepimpinan pada seorang pelajar.	149		

**Jadual 3** Tahap amalan kemahiran intrapersonal dan interpersonal berdasarkan SGM

Penyataan Item		Kekerapan sub-item dipilih	Min keseluruhan item	Tahap
Kemahiran Intrapersonal & Interpersonal	i. Mengutamakan adab dalam berkomunikasi dan berhubung baik dengan pelajar.	166	3.49	Baik
	ii. Menerima dan menyampaikan maklumat dengan tepat	176		
	iii. Sentiasa menyedari kekuatan dan kelemahan diri.	164		
	iv. Sentiasa bermuhasabah diri untuk melakukan penambahbaikan secara berterusan.	137		

#### 7.4 Ringkasan Dapatan Kajian

Jadual 4 menunjukkan ringkasan dapatan kajian bagi ketiga-tiga pemboleh ubah yang dikaji iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kepimpinan dan Kemahiran Interpersonal dan Intrapersonal.

**Jadual 4** Ringkasan dapatan kajian keseluruhan

Domain Diri dalam Standard Guru Malaysia	Min	Tahap
• Kepercayaan Kepada Tuhan	3.24	Baik
• Kepimpinan	3.19	Baik
• Kemahiran Interpersonal dan Intrapersonal	3.49	Baik
Jumlah	3.31	Baik

Tahap amalan kemahiran interpersonal dan intrapersonal adalah tahap amalan berteraskan SGM yang paling tinggi di antara ketiga-tiga tahap amalan yang lain (nilai min 3.49). Tahap amalan kedua tertinggi adalah tahap amalan kepercayaan kepada Tuhan (nilai min 3.24) dan tahap amalan kepimpinan paling rendah di antara kesemua tahap amalan (nilai min 3.19). Jumlah purata min bagi ketiga-tiga tahap amalan tersebut ialah 3.31 dan ini menunjukkan tahap amalan profesionalisme keguruan berteraskan SGM dalam kalangan bakal guru UTM pada keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana.

### ■8.0 PERBINCANGAN

Guru adalah elemen terpenting menentukan kualiti pendidikan di dalam sesebuah Negara. Oleh itu kajian terhadap tahap amalan nilai profesionalisme keguruan dalam kalangan bakal pendidik telah dijalankan bagi mengukur kualiti pendidik yang akan dilahirkan. Berikut adalah perbincangan hasil dapatan kajian bagi setiap pemboleh ubah yang telah dikaji.

#### 8.1 Tahap Amalan Kepercayaan Kepada Tuhan

Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan tahap amalan nilai profesionalisme daripada perspektif domain diri iaitu kepercayaan kepada Tuhan secara keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana. Nilai min bagi pemboleh ubah ini adalah sebanyak 3.24. Menurut Hamka (1976) perkara pertama yang wajib dibangunkan didalam proses pembangunan modal insan ialah kepercayaan dan keyakinan kepada Pencipta (tauhid), kemudian diikuti dengan kesedaran dan amalah tanggungjawab sosial manusia kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Oleh itu seharusnya elemen kepercayaan kepada Tuhan dalam konteks domain diri bakal guru di UTM diberikan penekanan dan peneguhan kerana bagi membangunkan manusia yang bertanggungjawab ianya memerlukan sebuah proses yang membolehkan manusia memahami tujuan penciptaan.

Hal ini bertepatan dengan pendapat Rohana (2010) iaitu syarat untuk membolehkan manusia memahami tujuan penciptaan adalah dengan mengenali hakikat penciptaan daripada sudut spiritual. Kajian ini telah menganalisis kekerapan bagi setiap sub-item yang telah dipilih oleh responden melalui set soalan rubrik. Kekerapan sub-item yang paling banyak dipilih oleh responden adalah sub-item dengan pernyataan ‘melaksanakan tugas sebagai seorang pendidik di atas kesedaran diri sebagai seorang pemimpin perubahan dalam proses P&P’, iaitu dengan nilai kekerapan 167.

Dapatan kajian ini bertepatan dengan pendapat Barth (2001) di mana guru adalah pemimpin yang berperanan sebagai agen

perubahan. Bagi pernyataan ‘menerapkan nilai kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan kerana yakin ianya adalah nilai tertinggi dalam pembentukan seorang insan’ mempunyai kekerapan dipilih oleh responden yang paling rendah dan sedikit iaitu sebanyak 124 sahaja. Seharusnya sebagai seorang pendidik mereka perlu menerapkan elemen kesedaran dan keyakinan terhadap kewujudan Allah S.W.T. kerana ianya adalah asas bagi melahirkan manusia berakhlak. Tambahan pula proses pendidikan secara pokoknya adalah bertujuan melahirkan manusia yang mampu menggunakan potensi diri fizikalnya (akhlaknya dalam hubungan sosial) dan berinteraksi dengan alam sekitarnya untuk menimbulkan keyakinan tentang kewujudan Yang Maha Pencipta. Inilah yang dikatakan sebagai proses pembangunan spiritual manusia melalui ilmu intelektual atau pendekatan pendidikan bersepadan yang holistik (Rohana, 2010). Oleh itu memahami dan mengenali potensi roh ataupun potensi spiritual ini merupakan sesuatu perkara asas yang wajib difahami agar proses pendidikan dan proses pembangunan insan dapat dijalankan selari dengan fitrah manusia.

#### 8.2 Kepimpinan

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya tahap amalan nilai profesionalisme keguruan dalam perspektif domain diri, iaitu tahap amalan kepimpinan bakal guru UTM adalah berada pada tahap yang sederhana (min 3.13). Hal ini bercanggah dengan hasil kajian deskriptif oleh Ida dan Agus (2008) di mana kepimpinan dalam kepuasan kerja adalah berada pada tahap yang baik (min 4.22).

Kekerapan sub-item yang tertinggi dipilih oleh responden adalah bagi pernyataan ‘melaksanakan pekerjaan dalam kehidupan sebagai niat menunaikan tanggungjawab sebagai pemimpin’, dengan kekerapan 161 kali. Kenyataan ini menyokong pandangan Plato, seorang ahli falsafah barat di dalam penulisan Ridhuan Tee Abdullah (1993) iaitu pemimpin dianggap sebagai ahli falsafah (pemerintah) kerana tanggungjawabnya amat berat. Menurut Plato lagi, pendidikan memainkan peranan yang amat penting di dalam mengekalkan dan membentuk sistem pendidikan yang mampu melahirkan seorang pemimpin bukan pengikut.

Kekerapan sub-item yang paling sedikit dipilih oleh responden dengan nilai kekerapan 131 kali adalah ‘mempunyai kepercayaan bahawa setiap pelajar perlu dilatih sebagai pemimpin’. Dapatan ini menunjukkan kesedaran proses pendidikan untuk melahirkan pemimpin dalam kalangan bakal pendidik masih perlu dimantapkan. Pemimpin dapat diertikan sebagai ‘Khalifah’ yang berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud seseorang yang bertindak sebagai wakil kepada ‘pemimpin’ atau ‘raja’ dan memimpin proses perubahan berdasarkan perintah raja bukan dirinya sendiri (Rohana, 2010). Menurut Abdul Hayy Alawi (1992) terdapat tiga prinsip asas penciptaan manusia yang perlu difahami di dalam proses pembangunan insan, dan salah satunya adalah setiap manusia ialah makhluk yang diciptakan oleh Allah S.W.T dengan sebaik-baik kejadian dan diangkat menjadi khalifah kepada seluruh makhluk ciptaan-Nya.

Oleh itu pendidikan bertujuan melahirkan pemimpin yang mampu memimpin proses perubahan berdasarkan perintah Pencipta. Dalam erti kata lain pemimpin yang ingin dilahirkan adalah pemimpin yang memiliki jati diri kerana berpegang kepada prinsip yang kekal abadi iaitu melakukan sesuatu pekerjaan “kerana Allah” dan kerana yakin ia adalah perintah daripada Pencipta.

### 8.3 Kemahiran Intrapersonal dan Interpersonal

Amalan nilai profesionalisme keguruan juga bergantung kepada kemahiran interpersonal dan intrapersonal guru. Hal ini dapat dilihat menerusi kenyataan Parkay dalam Azizi Yahaya *et al.*, (2005) iaitu guru yang professional perlu memiliki kemahiran interpersonal, intrapersonal dan kemahiran mengajar. Dapatkan kajian ini menunjukkan tahap amalan bakal guru UTM dalam kemahiran interpersonal dan intrapersonal adalah sederhana (min 3.49). Bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Nadia (2008) berkaitan persepsi pentadbir sekolah terhadap kualiti diri guru pelatih UTM di sekolah sekitar Johor. Dapatkan kajiannya mendapat bahawa persepsi pentadbir sekolah terhadap aspek sikap, kesediaan, kemahiran dan hubungan interpersonal guru pelatih UTM berada pada tahap sederhana. Manakala bagi sub-item yang menyatakan ‘menerima dan menyampaikan maklumat dengan tepat’ mempunyai analisis kekerapan dipilih oleh responden yang tinggi iaitu sebanyak 176 kali. Walaubagaimanapun hasil dapatan kekerapan bagi pernyataan ‘sentiasa bermuhasabah diri untuk melakukan penambahbaikan secara berterusan’ adalah rendah iaitu dengan nilai kekerapan dipilih responden sebanyak 137 sahaja. Seharusnya jika tahap amalan kemahiran interpersonal dan intrapersonal adalah pada tahap yang baik, maka ruang untuk seorang guru itu bermuhasabah diri adalah tinggi. Kenyataan ini bertepatan dengan Esah (2002) yang menyatakan hubungan interpersonal melibatkan kebolehan membuat perkaitan dan memahami orang lain, manakala kecerdasan hubungan intrapersonal pula adalah melibatkan kebolehan membuat refleksi kendiri dan menyedari kelemahan dirinya dan juga melakukan penambahbaikan diri secara berterusan.

## ■9.0 KESIMPULAN DAN PENUTUP

Dapatkan kajian menunjukkan pencapaian sederhana terhadap tiga elemen penting penentu kualiti bakal guru perlu di beri perhatian sewajarnya agar proses pendidikan yang bertujuan menterjemahkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat dipertingkatkan kualitinya. Kefahaman guru terhadap proses integrasi nilai tertinggi iaitu kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan melalui proses pendidikan perlu dimantapkan kerana ia adalah asas untuk melahirkan insan berakhhlak mulia. Elemen kepimpinan di kalangan bakal pendidik juga perlu diper teguhkan dimana guru perlu sedar bahawa proses pendidikan adalah proses untuk melahirkan pemimpin perubahan (khalifah) bukan seorang pengikut. Oleh itu apa yang terkandung di dalam Standard Guru Malaysia bukan sahaja perlu dijadikan panduan tetapi perlu

difahami agar ia benar-benar menjadi penanda aras kompetensi bakal guru di Malaysia.

### Rujukan

- Abdullah Sani Yahya, Abdul Rashid Mohamed dan Abdul Ghani Abdullah. 2007. *Guru Sebagai Pemimpin*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing.
- Azizi Yahya, Asmah Suboh, Zurihamni Zakariya dan Fawziyah Yahaya. 2005. *Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan*. Pahang: PTS Professional Publishing.
- Barth, R. S. 2001. *Improving School from Within*. San Francisco: Jossey Bass.
- Tajul Ariffin Nordin dan Nor'Aini Dan. 2002. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia (Pendekatan Bersepadan)*. Selangor: As-Syabab Media.
- Esah Sulaiman. 2002. *Profesionalisme Pendidikan*. Johor: Jabatan Asas Pendidikan UTM.
- Hamka. 1998. *Lembaga Hidup*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Ida Ayu Brahmasisari dan Agus Suprayetno. 2008. Pengaruh Motivasi Kerja, Kepimpinan dan Budaya Organisasi Terhadap Kepuasan Kerja. *Jurnal Pengurusan*, 10(2): 124–135.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar. 2003. *Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Penerbitan UTM.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nadia Farhana. 2008. Persepsi Pentadbir Sekolah terhadap Kualiti Guru Pelatih UTM di Sekolah Sekitar Johor Bahru. Universiti Teknologi Malasaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahdzan Ayob. 1990. *Guru dan Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Parkay, F. C. 1992. *Becoming A Teacher*. 2<sup>nd</sup> edition. Washington State University.
- Rohana Hamzah. 2010. *Mengenali Manusia Asas Pendidikan Berkualiti*. Skudai: UTM Press
- Sharifah Alwiah Alsagoff. 1993. *Ilmu Pendidikan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Longman Sdn. Bhd.
- Syed M.Naquib Al-Attas. 2005. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam, Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Tajul Ariffin Nordin, Roslee Ahmad dan Rahimawati Abdul Rahim. 2007. *Membina Pelajar Cemerlang-Evolusi Pembelajaran Sepanjang Hayat*. Skudai, Johor: UTM.
- Tee Tze Kiong, Mimi Mohaffyza, Jailani Bin Md Yunos, Baharom Mohamad, Widad Othman dan Yee Mei Heong. 2001. Jurnal Penilaian Peta Minda Buzen Berdasarkan Rubrik Analitik. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Utusan Malaysia. 14 Mei 2009. Komitmen Guru Tingkatkan Sisitem Pendidikan.
- Utusan Malaysia. 12 Mei 2005. Empat Strategi Utama Hasilkan Guru Berkualiti.
- Utusan Malaysia. 4 Julai 2011. Memperkasa Kualiti Guru Pelatih.
- Wiersma, W. 1995. *Research Methods in Education*. 6<sup>th</sup> Edition. Bonston: Ally and Bacon.
- Yusri Kamin. 2000. Perkembangan Profesionalisme Graduan Kemahiran Hidup Lulusan Universiti Teknologi Malaysia di Sekolah-sekolah di Negeri Johor. Tesis Sarjana: Universiti Teknologi Malaysia.